



Headline: 91 kes pinjaman tidak wujud dicatatkan Language: Malay  
melibatkan kerugian lebih RM700,000 di Sarawak  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah) Section: Tempatan  
Date: 7 May 2019 Page: 5

## 91 kes pinjaman tidak wujud dicatatkan melibatkan kerugian lebih RM700,000 di Sarawak

KUCHING: Sebanyak 91 kes pinjaman tidak wujud dicatatkan dengan jumlah keseluruhan kerugian sebanyak RM767,171.04 bagi tempoh 1 Jan hingga 5 Mei 2019 di Sarawak.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Negeri, Supt Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata pada minggu kajian (29 April-5 Mei 2019) sebanyak tujuh kes pinjaman tidak wujud dicatatkan di Sarawak dengan jumlah kerugian sebanyak RM95,520.

“Selain itu, seramai 12

individu telah ditangkap berhubung kes penipuan pinjaman tidak wujud pada tahun ini.

“Justeru, orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan tawaran pinjaman melalui media sosial Facebook, laman sesawang atau melalui aplikasi telefon pintar seperti *WhatsApp*, *WeChat*, *Instagram* dan sebagainya,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sementara itu, Mustafa menasihati anggota

masyarakat supaya mendapatkan pinjaman wang daripada institusi kewangan yang sah, koperasi berdaftar atau syarikat pemberi pinjaman wang berlesen jika benar-benar terdesak untuk membuat pinjaman.

“Pinjaman yang dibuat oleh orang ramai ini tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Suruhanjaya Koperasi 2007, Akta Koperasi 1993, Akta

Pemberi Pinjam Wang 1951, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dan sebagainya.

“Sekiranya anggota masyarakat mempunyai apa-apa kemusykilan atau berkemungkinan telah ditipu, anda boleh menyalurkan maklumat melalui WhatsApp atau SMS ke Commercial Crime Investigation Department (CCID) Infoline di talian 013-211 1222 atau layari portal rasmi \*<http://ccid.rmp.gov.m>,” katanya. - Bernama